



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## LHDNM LANCAR QR CODE UNTUK URUSAN CUKAI YANG LEBIH MUDAH

Seiring dengan rancangan Transformasi Hasil 2018, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada hari ini telah melancarkan *Quick Response Code (QR Code)* yang juga merupakan inisiatif terbaharu bagi kemudahan orang ramai mendapatkan maklumat percukaian dengan pantas.

Pelancaran *QR Code* ini disempurnakan oleh Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM di Majlis Mesra LHDNM Bersama Media Negeri Sabah 2018 di Hotel Promenade Kota Kinabalu, Sabah.

Untuk menggunakan kemudahan ini, orang ramai perlu memastikan telefon pintar mereka mempunyai platform imbasan *QR Code*. Jika tiada, mereka hanya perlu memuat turun aplikasi *QR Code* sama ada di *Play Store* atau *App Store*.

Dengan pengenalan *QR Code* ini orang ramai khususnya pembayar cukai dapat mengakses maklumat percukaian dengan lebih mudah melalui satu simbol, yang

membolehkan pengguna mengakses maklumat-maklumat percukaian yang diperlukan di hujung jari.

Antara maklumat yang boleh diakses melalui *QR Code* ini adalah seperti berikut:

1. Bayaran Cukai Pendapatan Individu, Syarikat dan Majikan.
2. Cukai Korporat.
3. Cukai Pendapatan.
4. Pendapatan Perniagaan Individu.
5. Tanggungjawab Majikan.
6. Cukai Koperasi.
7. Cukai Keuntungan Harta Tanah.
8. Duti Setem.
9. Sekatan Perjalanan.
10. Ekonomi Digital
11. Penamatan Perkhidmatan

Menurut Dato' Sri Sabin Samitah, 'pengenalan kemudahan merupakan langkah LHDNM ke arah transformasi digital urusan cukai selaras dengan hasrat LHDNM dan kerajaan yang ingin menjadikan urusan percukaian lebih mudah dan mesra pengguna'.

Turut hadir sama dalam majlis ini ialah En. Mahmood Daud, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) LHDNM, En. Abdul Manap Dim (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDNM, En. Suhaili Sudin, Pengarah LHDNM Negeri  
Kenyataan Media LHDNM, 13 Mac 2018

Sabah, Puan Rozina Shaik Osman Merican, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDNM, En Arief Putera Mohd Sharipudin, Pengarah Bahagian Komunikasi LHDNM, dan Pengarah-Pengarah Cawangan LHDNM Sabah.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7801

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 13 Mac 2018**